



KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM  
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA  
Aras 13, Blok C1, Kompleks C  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62510 W.P. PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Tel. : 03-88853001  
Faks : 03-88892187  
E-mel : ismail@jpa.gov.my  
Web : http://www.jpa.gov.my



Ruj.Fail: JPA(S)(BPO)215/65  
Klt.22(7)

Tarikh : 9 Jun 2010

Ketua-Ketua Setiausaha Kementerian,

Ketua-Ketua Jabatan Persekutuan,

YBhg Tan Sri//Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**Pemusatan Kursus Generik Perundangan ke Institut Latihan  
Kehakiman dan Perundangan dan Kursus Generik Kewangan ke  
Institut Perakaunan Negara**

Sukacita saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Pewujudan pelbagai institut latihan awam (ILA) merupakan salah satu pelaburan Kerajaan dalam membangunkan modal insan sektor awam yang cemerlang. Bagi mengoptimumkan penggunaan sumber sektor awam serta memastikan kualiti kursus yang ditawarkan kepada pegawai sektor awam berada di tahap terbaik, Kerajaan bersetuju supaya kursus generik dalam bidang perundangan dipusatkan ke Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP) dan kursus generik kewangan dipusatkan ke Institut Perakaunan Negara (IPN). Kedua ILA ini akan dikenali sebagai *core centre* bagi kursus generik bidang yang terlibat.

3. Bagi melaksanakan pemusatan kursus generik ini, ILA *core centre* akan menyediakan jadual kursus generik kewangan dan perundangan tahunan di institusi masing-masing. Semua pegawai dan kakitangan dari Kementerian/Jabatan boleh memohon kursus-kursus yang telah dijadualkan oleh ILA *core centre*. Penerimaan bagi mengikuti kursus adalah tertakluk kepada keupayaan tempat yang disediakan oleh ILA *core centre*.

4. Sekiranya ILA *core centre* tidak dapat memenuhi permintaan bagi melaksanakan pemusatan kursus bagi tahun 2010-2011, kementerian/jabatan boleh melaksanakan kursus tersebut di institusi masing-masing dengan mengguna pakai kurikulum yang ditetapkan oleh ILA *core centre*. ILA *core centre* juga akan membantu mengenal pasti atau membekalkan tenaga pengajar bagi pelaksanaan kursus tersebut mengikut keupayaan. Kos bagi pelaksanaan ini perlu ditanggung oleh kementerian/jabatan masing-masing. Senarai kursus generik yang ditawarkan oleh ILA *core centre* adalah seperti di **Lampiran 1**.

5. Sebarang pertanyaan lanjut mengenai kursus-kursus generik tersebut boleh dimajukan ke alamat berikut:


(i) Ketua Pengarah,  
Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP),  
Jabatan Perdana Menteri,  
Lot 5, Persiaran Universiti,  
Seksyen 15,  
43650 Bandar Baru Bangi,  
**SELANGOR DARUL EHSAN**

(ii) Pengarah,  
Institut Perakaunan Negara (IPN),  
Jabatan Akauntan Negara,  
Jalan Bagan, Sungai lang,  
45100 Sabak Bernam.  
**SELANGOR**

6. Sehubungan itu, kerjasama YBhg Tan Sri/Dato'/Datin/Tuan/Puan adalah dipohon untuk memastikan pelaksanaan pemusatan kursus ini dilaksanakan.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**



( **TAN SRI ISMAIL ADAM** )  
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
Malaysia

## SENARAI KURSUS GENERIK BAGI KEWANGAN DAN PERUNDANGAN

Bil.	Nama Kursus
<b>KURSUS KEWANGAN</b>	
1.	Perakaunan Terimaan/Hasil Kerajaan
2.	Perakaunan Bayaran Kerajaan
3.	Penyelenggaraan & Penyesuaian Buku Vot
4.	Asas Perakaunan Kerajaan
5.	Perakaunan Akaun Amanah, Deposit & Panjar
6.	Pemahaman Akaun Awam
7.	Sistem Belanjawan Negara
8.	Gaji, Elaun dan Kemudahan Penjawat Awam
9.	Pengurusan Aset & Stor, Kehilangan, Hapuskira dan Pelupusan
10.	Pengurusan Perolehan Kerajaan
11.	Akauntabiliti Dalam Pengurusan Kewangan
<b>KURSUS PERUNDANGAN</b>	
1.	Pendakwaan
2.	Pendakwaan Lanjutan
3.	Undang-undang Keterangan dan Pemakaian dalam Perbicaraan
4.	Teknik Pemeriksaan Saksi dan Penghujahan
5.	Pengendalian Barang Kes
6.	Gubalan Undang-undang Asas